

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN****DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI****SOALAN : NO. 395**

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar dan dana yang dibelanjakan untuk program MyPhD dan MyMasters sejak MyBrain dilancarkan pada Rancangan Malaysia Ke-10.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program yang dilaksanakan menerusi Program *MyBrain15* adalah *MyMaster*, *MyPhD* dan *MyPhD Industri*. Program *MyBrain15* ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan perlu memenuhi syarat yang ditetapkan.

Jumlah pelajar yang telah menerima penajaan di bawah Program *MyBrain15* dari tahun 2011 sehingga 30 Jun 2017 adalah seramai 56,910 orang. Pada tempoh yang sama, pecahan mengikut program *MyMaster* adalah seramai 46,338 orang, *MyPhD* seramai 10,325 orang dan *MyPhD Industri* seramai 247 orang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM934.245 juta.

RT27/396

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
DARIPADA [BUKIT BENDERA]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan murid yang lulus SPM Bahasa Melayu serta bilangan yang mendapat kredit dari tahun 1990 hingga 2016, dipecah mengikut tahun dan jenis sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pencapaian calon yang mendapat kredit dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	JENIS SEKOLAH	JUMLAH KREDIT (Calon dan %)	JUMLAH LULUS (Calon dan %)
2016	Sekolah Kerajaan	120,916 (32.7%)	33,843 (9.1%)
	Sekolah Agama	112,635 (30.45)	29,168 (7.8%)
	Sekolah Swasta	56,689 (15.35)	14,684 (3.9%)
2015	Sekolah Kerajaan	116,467 (31.2%)	40,897 (10.9%)
	Sekolah Agama	111,518 (29.8%)	35,333 (9.4%)
	Sekolah Swasta	56,028 (15.0%)	18,375 (4.9%)
2014	Sekolah Kerajaan	166,359 (42.2%)	48,702 (12.3%)
	Sekolah Agama	75,275 (19.0%)	24,850 (6.3%)
	Sekolah Swasta	62,165 (15.7%)	19,715 ((5.0%))